

27/08/1997

Kesan ringgit ke atas defisit disangkal

KUALA LUMPUR, Selasa - Kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika tidak semestinya meningkatkan defisit akaun semasa negara, kata Penolong Gabenor Bank Negara, Dr Zeti Akhtar Aziz.

Sambil menyangkal dakwaan sesetengah penganalisis yang meramalkan demikian, beliau berkata bank pusat itu masih mengkaji kesan sebenar penurunan nilai ringgit terhadap defisit akaun semasa negara.

Sehingga kini, Bank Negara masih belum mempunyai maklumat jelas sejauh mana nilai ringgit mempengaruhi pergerakan faktor ekonomi seperti defisit akaun semasa, inflasi dan tabiat kepenggunaan.

Penganalisis sebelum ini berpendapat, kejatuhan nilai ringgit akan memberi kesan langsung terhadap pertambahan defisit akaun semasa sehingga ada yang meramalkan ia mungkin melambung kepada antara RM25 bilion dan RM27 bilion.

Dr Zeti bagaimanapun berkata, penurunan nilai ringgit tidak semestinya memberi kesan buruk kepada defisit akaun semasa kerana pelbagai faktor ekonomi lain mesti turut diambil kira dalam menentukannya.

"Antaranya, kita perlu menentu dan mempertimbangkan berapa lama ringgit akan kekal pada tahap semasa yang sememangnya bukan paras sepatutnya," katanya pada sesi soal jawab selepas perasmian Seminar Galakan Menabung oleh Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohd Don, hari ini.

Beliau mengulas ramalan penganalisis bahawa kejatuhan nilai ringgit akan menyebabkan defisit akaun semasa negara membengkak seterusnya mampu menjejaskan kestabilan serta pertumbuhan ekonomi negara.

Zeti memberikan contoh, jika kepenggunaan tertumpu kepada barangan import, sudah tentu kosnya tinggi tetapi jika rakyat membeli barangan tempatan, kesan terhadap defisit terlalu sedikit.

Sebelum ini, kerajaan mengunjurkan akaun defisit semasa negara tahun ini akan berada pada paras RM14.8 bilion, naik sedikit daripada RM14.77 bilion tahun lalu tetapi lebih baik berbanding RM18.69 bilion pada 1995.

Nilai ringgit susut kira-kira 10 peratus berbanding dolar sejak serangan spekulatif yang melanda rantau sebulan lalu, bermula dengan pengapungan baht pada 2 Julai.

Petang ini, ringgit ditutup pada 2.7880/10 berbanding dolar, jatuh daripada 2.7700/30 pada penutup semalam. Unit tempatan itu dibuka pada tahap 2.7690/20 pagi ini.

Zeti juga berkata, Malaysia sudah lebih bersedia untuk menyerap kesan mata wangnya yang menjadi lemah kerana negara tidak mempunyai hutang luaran yang tinggi seperti sesetengah negara lain.

"Malah, kita juga mempunyai kadar tabungan yang tinggi. Dua faktor ini membolehkan Malaysia mengubah suai dengan lebih baik kepada kesan serangan spekulatif terhadap ringgit," katanya.

Difahamkan, hasil kajian Bank Negara terhadap kesan penurunan nilai ringgit terhadap defisit akaun semasa akan dimasukkan ke dalam Belanjawan 1998.

Minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata defisit akaun semasa negara tahun ini mungkin melebihi RM14.8 bilion yang diramalkan kerajaan jika ringgit terus lemah.

Jabatan Perangkaan melaporkan akaun semasa mencatat defisit RM1.8 bilion bagi suku pertama tahun ini, kedudukan yang jauh lebih baik berbanding defisit RM4.5 bilion pada suku keempat tahun lalu.

Sementara itu, Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohd Don yang buat

kali pertama muncul di khalayak ramai dalam majlis rasmi sejak serangan spekulatif terhadap ringgit berlaku sebulan lalu, mengelak daripada bertemu wartawan.

Sejurus selepas selesai menyampaikan ucapan perasmian di seminar yang sama di Auditorium, tingkat bawah bangunan Bank Negara di Kuala Lumpur, juruacara mengumumkan Ahmad akan meninggalkan majlis.

Serentak itu juga kira-kira 15 wartawan tempatan dan asing yang berada di dalam dewan, bergegas keluar untuk menemu bual Ahmad tetapi hampa kerana beliau terus naik ke pejabatnya di tingkat atas.

Setakat ini, Ahmad sendiri belum membuat sebarang ulasan mengenai khabar angin yang mengatakan kemungkinan beliau akan meletak jawatan ataupun mengulas perkembangan semasa yang berkisar kepada masalah yang melanda ringgit.

(END)